

Melakar Kejayaan

2014 berakhir dengan cemerlang bagi Kementerian Pendidikan yang mencatatkan pelbagai kejayaan melalui transformasi di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2015.

Deretan kejayaan ini membuktikan peningkatan pencapaian secara holistik bagi melahirkan generasi serba boleh bertaraf dunia.

■ **JUN:** Pembentangan Laporan Tahunan 2013 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) oleh Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin menunjukkan pencapaian terbaik dalam enrolmen prasekolah, transformasi pendidikan vokasional, Program Transformasi Daerah (PTD) dan Program Pendidikan Inklusif.

PERINGKAT SEKOLAH

■ **MEI:** Pelajar tingkatan tiga Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Batu Lintang, Kuching Sarawak, Faye Jong-Sow Fei memenangi tempat pertama kategori Pengurusan Alam Sekitar dalam Perandingan Sains dan Kejuruteraan Antarabangsa Intel (ISEF) 2014 di Los Angeles, Amerika Syarikat.

■ **JULAI:** Justin Lim Kai Ze, 18, dari Johor meraih pingat emas dalam



SEKOLAH Seri Puteri memenangi Anugerah Khas Jeunesse Austria (Anugerah Galakan)

Pertandingan Matematik Antarabangsa (IMQ) ke-55 2014 di Afrika Selatan selepas berjaya menyelesaikan permasalahan matematik direka pakar matematik dunia.

■ **JULAI:** Sekolah Seni Malaysia Kuching, Sarawak muncul Juara International Folkdance Competition di Timisoara, Romania melalui tarian dan muzik tradisional dipersembahkan 24 pelajar.

■ **JULAI:** Sekolah Seri Puteri memenangi Anugerah Khas

Jeunesse Austria (Anugerah Galakan) pada Festival Muzik Belia Antarabangsa (IYMF) di Vienna, Austria. Sebanyak 65 pasukan orkestra hebat dari seluruh dunia seperti China, Singapura, New Zealand, Jerman dan Australia mengambil bahagian.

■ **NOVEMBER-DISEMBER:** Malaysia memperoleh Anugerah Pencapaian Menyerlah dalam Pertandingan Filem Pendek yang berlangsung di Minami Awaji, Jepun.



Faye Jong-Sow Fei



Justin Lim Kai Ze



PENGAJIAN TINGGI

■ **JUN:** Pendebat Universiti Teknologi Mara (UiTM), Maizura Mokhsein, 23, menjadi pendebat nombor satu Asia menewaskan 360 peserta di Kejohanan Debat Asia Bersatu (UADC) di Universiti Teknologi Nanyang, Singapura.

■ **SEPTEMBER:** Hazzirah Izzati Mat Hassim, 24, penerima Ijazah Doktor Falsafah termuda negara melalui tesis bertajuk 'The Homological Functors of Bieberbach Groups with Cyclic Point Groups of Order Two, Three and Five' di Universiti Teknologi Malaysia (UiTM).

■ **SEPTEMBER:** Politeknik Merlimau diumumkan pemenang ASEAN Best Practices Energy Management For Building & Industries Awards di Vientiane, Laos.



UNIVERSITI Sains Islam Malaysia (USIM)



ASEAN Skills Competition 2014



Hazzirah Izzati Mat Hassim

■ **OKTOBER:** Mohd Narisymbri Md Zain dan Muhammad Hafidz Hussaini Hasrie, penuntut Kolej Komuniti Langkawi menerima Medallion For Excellence dalam ASEAN Skills Competition 2014 di Hanoi, Vietnam.

■ **OKTOBER:** Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) menang dua pingat emas dan satu pingat perak dalam pertandingan inovasi antarabangsa di Pameran Inovasi British (BIS) 2014 di London.



Maizura Mokhsein